

506 pelajar sertai Kejohanan Waja Diri Seni Silat Cekak Hanafi

KUALA LUMPUR 8 Julai - Seramai 506 pelajar menyertai Kejohanan Waja Diri Nasional Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi kali ke-15 anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada pelajar dari institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta, sekolah menengah dan pusat latihan.

Timbalan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Datuk Hasnoor Sidang Husin berkata, kejohanan itu merupakan salah satu wadah yang wajar diteruskan bagi memperjuang dan mempertahankan budaya jati diri anak Melayu.

"Ia merupakan alternatif untuk membina sahsiah penuntut-penuntut Silat Cekak Hanafi di seluruh negara.

"Persatuan ini bukan sahaja telah

mengembangkan sayap di serata negeri, malah menjadi yang disegani di IPT dan sekolah," katanya ketika berucap pada kejohanan tersebut di sini.

Hadir sama, Naib Canselor UPM, Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi; Guru Utama Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi Malaysia, Marui @ Marwi Latif; Presiden Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi Malaysia, Datuk Md. Nasir Md. Arshad dan Pengarah program, Mohamad Fikri Makmor.

Hasnoor berharap, program bertema Bersilat ke Arah Membentuk Peribadi yang Unggul itu dapat memberi manfaat kepada semua pihak, khususnya mahasiswa dan masyarakat dalam usaha memartabatkan seni silat Melayu asli.



HASNOOR Sidang Husin menyampaikan sijil selepas merasmikan Kejohanan Waja Diri Silat Cekak Hanafi sambil diperhatikan oleh Md. Nasir Md. Arshad (dua dari kiri) di UPM Serdang, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ZAINI HUSIN